



PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG

IKLAN JAWATAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut dan keutamaan adalah diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur.

1. (a) **JAWATAN** : **PEGAWAI TADBIR, GRED N41**
(b) **KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
(c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

2. **JADUAL GAJI** : **Gaji Minimum - Gaji Maksimum (JGMM)**

Gred N41	: Gaji Minimum - RM2,080.00
	Gaji Maksimum - RM9,546.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM225.00

3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
(Keutamaan Rakyat Negeri Pahang)
 - (b) Berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pentadbiran dan Pembangunan Tanah;
 - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)

- (d) Keujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang pentadbiran dan pembangunan tanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

4. IMBUHAN/ELAUN : Selain daripada gaji Bulanan, Imbuan Tetap Khidmat Awam/Imbuan Tetap Keraian dan Imbuan Tetap Perumahan akan dibayar kepada calon yang layak.

- i) Imbuan Tetap Khidmat Awam - RM300.00
- ii) Imbuan Tetap Perumahan - RM300.00

5. TARAF JAWATAN : **TETAP**

6. PENEMPATAN : **IBU PEJABAT**

7. DESKRIPSI TUGAS : Bertanggungjawab menyelaras tugas-tugas pengurusan tanah dan pentadbiran hartanah yang meliputi aspek pendaftaran tanah, pelupusan, pembangunan, pengambilan balik tanah, ukur tanah, penguatkuasaan, penilaian dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan hartanah.

8. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di peringkat 1 (c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan:

(i) Berumur kurang dari 54 tahun bagi pegawai umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;

(ii) Berumur kurang dari 56 tahun bagi pegawai umur persaraan paksa 58 tahun; dan

(iii) Berumur kurang dari 58 tahun bagi pegawai umur persaraan paksa 60 tahun.

9. PEMAKLUMAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai - pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **28 APRIL 2021 (RABU)**

CARA MEMOHON

- (i) Permohonan boleh dibuat sama ada melalui atas talian di pautan **www.jawatan.pkpp.gov.my** atau menggunakan **Borang PKPP 1** yang boleh dimuat turun melalui **Laman Sesawang : www.pkpp.gov.my**.
- (ii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi dengan terang.
- (iii) Semua borang permohonan hendaklah disertakan dengan gambar berukuran pasport, salinan surat beranak, kad pengenalan, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan yang telah disahkan daripada salinan asal.
- (iv) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' 21.
- (v) Permohonan melalui borang hendaklah dialamatkan seperti berikut:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang
Jalan Gambut
25990 KUANTAN.**

- (vi) Permohonan yang lewat dan tidak lengkap tidak akan diterima untuk pertimbangan.

CATATAN AM

- ⊙ Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga.
- ⊙ Sebarang tuntutan perbelanjaan adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- ⊙ Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- ⊙ Syarat-syarat dalam iklan ini tertakluk juga kepada pekeliling-pekeliling perkhidmatan yang diguna pakai selepas daripada tarikh ini.